



PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR
TINGKAT LG,G,2,3,4,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40576 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Telefon : 603-5544 7000
No. Faks : 603-5510 2658 / 5520 5628
E-mail : ptgs@selangor.gov.my
URL : http://ptg.selangor.gov.my
Hotline : 1800-8-82624 (Tanah)

Ruj. Fail : (33) dlm. PTG/BPT/SEL10/31/99(LG).1
Tarikh : **30** April 2020

SEPERTI LAMPIRAN

Y Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

PERSERAHAN URUSAN PENDAFTARAN HAKMILIK SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI PEJABAT TANAH DAN GALIAN SELANGOR DAN PEJABAT TANAH DAERAH DI NEGERI SELANGOR

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Merujuk kepada mesyuarat bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada 23 April 2020 setelah keputusan Jemaah Menteri bertarikh 25 Mac 2020 berhubung isu penutupan kaunter Jabatan Kerajaan dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan setelah dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) pada 29 April 2020, Pejabat Tanah dan Galian Selangor telah bersetuju untuk menerima beberapa urusan perserahan yang melibatkan pengeluaran dana dan pembiayaan pinjaman kepada usahawan di bawah MEDAC.
3. Penerimaan urusan ini melibatkan urusan Gadaian, Carian Rasmi berkaitan Gadaian dan pungutan bagi Surat Kebenaran Pentadbir Tanah bagi hakmilik *Landed* dan Strata di Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan semua Pejabat Tanah Daerah dalam Negeri Selangor. Semua urusan ini tertakluk kepada pertimbangan dan kelulusan oleh PTGS dan PTD sebelum perserahan dibuat setelah memenuhi syarat yang ditetapkan.

4. Melalui surat MEDAC bertarikh 11 April 2020, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengambil maklum berhubung operasi kaunter dan tiada halangan terhadap permohonan berkenaan. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui surat kepada MEDAC bertarikh 15 April 2020 juga tiada halangan bagi premis Kerajaan berkenaan untuk beroperasi setelah mendapat kebenaran dari pihak berkuasa yang mengawal selia perkhidmatan tersebut.

5. Sehubungan dengan itu, Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor dan semua Pejabat Tanah Daerah dalam Negeri Selangor akan mula beroperasi secara terhad (secara temujanji '*appointment based*') sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 5 Mei 2020 (Selasa) ini.

6. Perserahan yang dibuat adalah secara *Drive-Thru* atau mengikut kesesuaian jabatan masing-masing dan bayaran akan dilakukan secara Bank Deraf sahaja bagi memastikan waktu berurusan adalah sangat minima. PTGS mewajibkan agar hanya Peguam sahaja dibenarkan untuk melakukan perserahan dan dengan tujuan yang munasabah. Selain itu, surat kebenaran beroperasi dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan kelulusan dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Korperasi (MEDAC) adalah diwajibkan sekiranya ingin membuat perserahan.

7. Bagi memastikan keselamatan pegawai dan kakitangan terlibat serta mematuhi langkah pencegahan penularan wabak yang disarankan oleh KKM, PTGS dan PTD akan mewajibkan pematuhan langkah seperti memakai penutup muka (*face mask*), perjarakan sosial, ujian bacaan suhu harian dan mengurangkan waktu berurusan demi memastikan keselamatan dan mengelakkan ancaman wabak berlaku.

8. Hebahan kepada firma guaman dan usahawan yang terlibat akan dibuat melalui The Selangor Bar dan MEDAC. Dilampirkan bersama-sama ini carta alir proses permohonan, maklumat Pegawai Perhubungan Jabatan dan dokumen berkaitan untuk rujukan Y Bhg. Dato'/tuan/puan.

9. Perhatian dan tindakan Y Bhg. Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amat diharapkan dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“SELANGOR MAJU BERSAMA”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' ZUL-KEFLI @ ZULKEFLI BIN KHALID) *D.P.M.S S.I.S*
Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor

SALINAN KEPADA:

- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- ii. Setiausaha Sulit Kepada YAB Menteri Besar Selangor
- iii. Timb. Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pendaftaran)
- iv. Timbalan Pengarah Tanah dan Galian Selangor (Pengurusan)
- v. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Pendaftaran Hakmilik)
- vi. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Strata)
- vii. Ketua Penolong Pengarah (Bahagian Teknologi Maklumat)
- viii. Penolong Pengarah (Bahagian Korporat dan Audit Pengurusan Tanah)

SENARAI EDARAN;

1. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Klang
Jalan Kota, 41902 Klang
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-33732762)

2. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Petaling
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling
No. 1, Persiaran Atmosfera, Seksyen U5
40150 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-78460564)

3. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Langat
Telok Datuk, 42700 Banting
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-31872011)

4. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat
Kompleks Pentadbiran Daerah Hulu Langat
Bangunan Sultan Hisamuddin Alam Syah
Persiaran Pusat Bandar 1, Seksyen 9
43650 Bangi
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-89250092)

5. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Sabak Bernam
45300 Sungai Besar
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-32242113 / 03-32242178)

6. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Gombak
Bangunan Sultan Sulaiman
Persiaran Pegawai
Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-61361073)

7. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Selangor
Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-60643961)

8. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Sepang
Bangunan Tun Aziz
Bandar Baru Salak
43900 Sepang
Selangor Darul Ehsan.
(Faks : 03-87063262)

9. Pegawai Daerah

Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Kuala Selangor
45000 Kuala Selangor
Selangor Darul Ehsan
(Faks : 03-32892145)

10. Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Aras 5, Blok E4/5
Kompleks Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62668 Putrajaya

Dipohon agar pihak MEDAC dapat membuat hebahan kepada usahawan yang terlibat dengan urusan ini. Terima kasih

11. Chairman

The Selangor Bar
No. 41
Jalan Bola Jaring 13/15
Seksyen 13
40100 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
(u.p Puan Nurul Munahiza binti Hanafi)

- Dipohon agar pihak Selangor Bar dapat membuat hebahan kepada firma yang terlibat dengan urusan ini. Terima kasih

MAKLUMAN RASMI

PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR

Kepada pelanggan yang dihormati,

Merujuk kepada mesyuarat bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan kelulusan daripada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN), Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor akan mula beroperasi secara terhad (secara temujanji '*appointment based*') sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 5 Mei 2020 di Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan semua Pejabat Tanah Daerah (PTD) di Negeri Selangor.

Operasi ini melibatkan urusan permohonan Carian dan Gadaian Tanah serta pungutan Kebenaran (Consent) Pentadbir Tanah sahaja. Ini bagi memastikan hanya urusan yang benar-benar penting dan *essential* sahaja akan dibenarkan bagi mematuhi arahan PKP ini.

Pihak kami hanya akan menerima maksima 25 firma sahaja setiap hari **SELASA** dan setiap firma dihadkan kepada 3 hakmilik dan carian hakmilik sahaja. Pihak Tuan/Puan perlu mengisi borang Google Form seperti Barcode yang dilampirkan bagi perserahan PTGS atau melalui email bagi perserahan PTD bagi proses permohonan dan pihak kami akan memaklumkan giliran pihak Tuan/Puan untuk membuat perserahan melalui email yang disertakan.

Perserahan yang dibuat adalah secara **Drive-Thru** dan bayaran akan dilakukan secara Bank Deraf sahaja. Tuan/Puan juga perlu menyertakan **Surat Akuan Tanggungjawab** ke atas semua dokumen yang diberikan dan akan menanggung semua liabiliti terhadap urusan yang dilakukan memandangkan tiada semakan ID melalui e-SELAMAT dibuat semasa perserahan.

Bagi memastikan urusan adalah benar-benar penting, PTGS mewajibkan agar hanya Peguam sahaja dibenarkan untuk melakukan perserahan dan dengan tujuan

yang munasabah. Selain itu, surat kebenaran beroperasi dari Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan kelulusan dari Kementerian Pembangunan Usahawan dan Korperasi (MEDAC) adalah diwajibkan sekiranya ingin membuat perserahan.

Adalah dinasihatkan agar tuan/puan mengikuti langkah pencegahan penularan wabak seperti memakai penutup muka (face mask), perjarakan sosial, ujian bacaan suhu harian dan mengurangkan waktu berurusan demi memastikan keselamatan dan mengelakkan ancaman wabak berlaku.

Sekian Terima Kasih.

PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

PERMOHONAN PERSERAHAN HAKMILIK PTGS

Mohon Imbas QR kod berikut, untuk membuat **PERMOHONAN PERSERAHAN** atau emailkan permohonan tuan/puan kepada pendaftaranptg@selangor.gov.my.



1	Bahagian Pendaftaran Hakmilik Cik Nurhidayah binti Shaari Penolong Pengarah Pn Aslina binti Abu Hasan Pen. Pegawai Tadbir	pendaftaranptg@selangor.gov.my
2	Bahagian Hakmilik Strata En Mohd Khairul Azhar bin Abd Samat Pen. Pegawai Tadbir	strata@selangor.gov.my khairulazhar@selangor.gov.my

PERMOHONAN PERSERAHAN HAKMILIK PTD

Emailkan permohonan tuan/puan kepada pegawai berikut:

PEJABAT TANAH DAERAH PETALING			
1	Unit Pendaftaran Hakmilik Pn Farhana Lina binti Morsit Penolong Pengarah	farhanalina@selangor.gov.my pendaftaranpetaling@selangor.gov.my	016-2063102
2	Unit Consent Pn Donna Marlena Kinson Penolong Pengarah	donna@selangor.gov.my	017-2219485

PEJABAT TANAH DAERAH KLANG			
1	Unit Pendaftaran Hakmilik Pn Nurin Alifah binti Hamdan Penolong Pengarah	nurin@selangor.gov.my	012-3120112
2	Unit Consent Cik Nor Syahirah binti Norizan Penolong Pengarah	syahirahnorizan@selangor.gov.my	013-2547698

PEJABAT TANAH DAERAH HULU LANGAT			
1	Unit Pendaftaran Hakmilik En Muhammad Razif bin Rubai Penolong Pengarah	razif@selangor.gov.my	019-2778684
2	Unit Consent Pn Siti Amirah binti Sharifuddin Penolong Pengarah	amirahsharifuddin@selangor.gov.my	018-7776960

PEJABAT TANAH DAERAH GOMBAK			
1	Unit Pendaftaran Hakmilik En Mohd Adib bin Mohd Arshad Penolong Pengarah	mohdadib@selangor.gov.my	017-3818994

2	Unit Consent Pn Syaidatul Azla binti Abdul Malek Penolong Pengarah	syaidatulazla@selangor.gov.my	012-6446347
---	---	-------------------------------	-------------

PEJABAT TANAH DAERAH SEPANG

1	Unit Pendaftaran Hakmilik Pn Fatahah Qasim Penolong Pengarah	fatahah@selangor.gov.my	013-3766692
2	Unit Consent Pn Noraslamidatul Adawiyah binti Razak Penolong Pengarah	noraslamidatul@selangor.gov.my	0132387672

PEJABAT TANAH DAERAH KUALA LANGAT

1	Unit Pendaftaran Hakmilik En Md Hasrul Faiz bin Borhanudin Penolong Pengarah	faiz@selangor.gov.my	013-2465391
---	---	----------------------	-------------

PEJABAT TANAH DAERAH KUALA SELANGOR

1	Unit Pendaftaran Hakmilik Pn Dyani Letisya binti Abdull Razak Penolong Pengarah	dyaniletisya@selangor.gov.my	019-7803383
---	--	------------------------------	-------------

PEJABAT TANAH DAERAH HULU SELANGOR

1	Unit Pendaftaran Hakmilik Pn Norhazuwanti binti Kamaruzaman Penolong Pengarah	norhazuwanti@selangor.gov.my	018-3784275
---	--	------------------------------	-------------

PEJABAT TANAH DAERAH SABAK BERNAM

1	Unit Pendaftaran Hakmilik Pn Nordiyana binti Abdul Rani Penolong Pengarah	nordiyana@selangor.gov.my	012-6603043
---	--	---------------------------	-------------